

LANJUT TEMPOH BAYAR CUKAI: RAKYAT SIFATKAN KERAJAAN PAHANG SANGAT PRIHATIN

KUANTAN, 21 MEI 2021: Langkah Kerajaan Pahang melanjutkan tempoh pembayaran cukai tanah tahun 2021 ke atas semua pemilik tanah berdaftar di negeri ini disifatkan sebagai suatu tindakan yang cakna dan prihatin terhadap kesusahan yang ditanggung rakyat ketika ini.

Mantan Timbalan Presiden Majlis Belia Negeri Pahang, Encik Abdul Basits Haji Mohamed Mokhtar berkata, pihaknya menyambut baik langkah yang diumumkan oleh YAB Menteri Besar Pahang, Dato' Sri Haji Wan Rosdy Wan Ismail baru-baru ini dan menyifatkan ianya sebagai peluang terbaik kepada pembayar cukai dalam situasi pandemik ketika ini.

Katanya, tindakan tersebut sangat bertepatan pada waktu ini dan mendapat sokongan daripada pelbagai pihak.

“Malah, kaedah pembayaran cukai secara atas talian yang diwujudkan juga bukan sekadar memudahkan proses tersebut tetapi turut mengurangkan risiko pendedahan pembayar cukai terhadap suasana yang sesak dan ramai orang.

“Meskipun kaedah bayaran secara atas talian ini bukanlah amalan biasa kebanyakan daripada kita yang mungkin lebih selesa berurusan di kaunter Pejabat Daerah dan Tanah secara manual, namun norma baharu ini perlulah diamalkan dan diterima oleh semua pihak demi kesejahteraan bersama,” katanya ketika dihubungi Unit Komunikasi dan Media Pahang (UKOMP), hari ini.

Tambahnya, pengumuman yang telah dibuat oleh Dato' Sri Haji wan Rosdy ini juga dapat memberi peluang kepada pembayar cukai mengurus kewangan sebelum tarikh 31 Ogos depan iaitu lanjutan selama tiga bulan daripada tarikh asal pada 31 Mei ini.

Sementara itu, Pengerusi Majlis Belia Felda Sungai Koyan 2, Encik Yahya Ali pula berpendapat tindakan Kerajaan Pahang yang diterajui Dato' Sri Haji Wan Rosdy menggambarkan keprihatinan beliau bersama kepimpinan kerajaan.

“Pada pandemik COVID-19 seperti yang dihadapi sekarang memberikan kesan yang sangat besar kepada rakyat untuk meneruskan kehidupan dan lanjutan tempoh bayaran cukai ini merupakan langkah yang sangat prihatin dan membuktikan bahawa YAB Menteri Besar sangat memahami keadaan kami terutama penduduk kampung yang menghadapi berbagai kesukaran akibat pandemik ini.

“Kebanyakan rakyat khususnya luar bandar tidak dapat keluar bekerja seperti biasa dan ini menyebabkan terputus pendapatan terutama golongan yang bekerja sendiri atau berniaga,” katanya.

Beliau berharap, tindakan kerajaan negeri ini akan dapat membantu mengurangkan ketegangan kewangan yang dihadapi pembayar cukai pada ketika ini. –

PAHANGMEDIA

Disediakan oleh Unit Komunikasi dan Media Pahang (UKOMP)

#MajuTerusPahang
#Pahang1st
#KerajaanNegeriPahang
#PahangGo

Oleh : Fansurina Abdullah

(LIPUTAN BERGAMBAR)



قجابت منتري بسر فهغ
PEJABAT MENTERI BESAR PAHANG

KENYATAAN MEDIA

PELANJUTAN TEMPOM BAYARAN CUKAI TANAH SEHINGGA 31 OGOS 2021

Kerajaan Negeri bersetuju melanjutkan tempoh pembayaran cukai tanah tahun 2021 ke atas semua pemilik tanah berdaftar di Pahang, sehingga 31 Ogos ini. Tempoh akhir asalnya ialah pada 31 Mei.

Dengan pelanjutan tempoh pembayaran ini bermakna, denda lewat 10 peratus daripada nilai cukai tanah, hanya akan dikenakan bermula 1 September.

Keputusan ini dibuat berasaskan sikap prihatin Kerajaan Negeri kepada masalah yang rakyat hadapi susulan langkah tegas Kerajaan menguatkuasakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) ke seluruh negara, bagi membendung penularan wabak pandemik COVID-19.

Menerusi langkah tegas ini telah mengehendkan pada tahap tertentu, pergerakan dan perkhidmatan di seluruh negara sehingga mengakibatkan kerugian kepada pemilik tanah-pemilik tanah berkenaan.

Sungguhpun begitu, Kerajaan Negeri sangat menghargai usaha dan komitmen pemilik tanah-pemilik tanah untuk tetap menjelaskan cukai tanah mereka dalam tempoh ditetapkan.

Adalah diharapkan, pelanjutan tempoh akhir bayaran cukai tanah ini dapat memberi masa yang cukup dan sewajarnya untuk mereka menunaikan tanggung jawab bagi menjelaskan cukai tanah ini.

Dato' Sri Wan Rosdy bin Wan Ismail
Menteri Besar Pahang
19 MEI 2021

